

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD

SOALAN : NO. 474

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan bilakah sebuah institut pengajian tinggi awam (IPTA) akan dibina di kawasan Parlimen Lipis memandangkan tanah dan tapak pembinaannya sudah disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah institusi pendidikan tinggi awam mahupun cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Universiti Teknologi MARA mempunyai tanah seluas 898.5 ekar di Lipis, Pahang dan sedang membuat perancangan berhubung pembangunan tanah tersebut untuk dijadikan pusat penyelidikan dan juga untuk program berteraskan perladangan.

166

SOALAN (475)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH
[SABAK BERNAM]

SOALAN :-

**YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK
BERNAM] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilangan Pusat Pengajian
Islam dan Maahad Tahfiz yang telah diperiksa oleh Jabatan Bomba
dan Penyelamat setakat ini dan nyatakan statusnya daripada segi
keselamatan.**

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan aspek pencegahan kebakaran di sekolah-sekolah tahfiz, Kerajaan melalui Mesyuarat *High Level Committe (HLC) Mengenai Task Force Sekolah-sekolah Tahfiz* yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk melaksanakan pemeriksaan ke atas semua pusat tahfiz di seluruh negara.

1. Hasil Pemeriksaan

| | Perkara | Berdaftar Dengan Majlis Agama Negeri/JAKIM | Tidak Berdaftar |
|---|--|--|-----------------|
| A | Jumlah Pusat Tahfiz yang diperiksa oleh JBPM | 917 (74%) | 321 (26%) |

| B | Perkara | Pusat Tahfiz Berdaftar Dengan Majlis Agama Negeri/ JAKIM Yang Mematuhi (A) | Pusat Tahfiz Tidak Berdaftar Yang Mematuhi (B) | Pusat Tahfiz Berdaftar Dengan Majlis Agama Negeri/ JAKIM Yang Tidak Mematuhi (C) | Pusat Tahfiz Tidak Berdaftar Yang Tidak Mematuhi (D) |
|---|---|---|---|---|---|
| | Pusat Tahfiz yang mematuhi dan yang tidak mematuhi piawaian keselamatan kebakaran | 748 | 238 | 169 | 83 |
| | | Pusat Tahfiz Yang Mematuhi (A + B) | | Pusat Tahfiz Yang Tidak Mematuhi (C+D) | |
| | | 986 | | 252 | |

| C | Perkara | Berdaftar dengan Majlis Agama Negeri/ JAKIM | Tidak Berdaftar |
|---|--|---|-----------------|
| | Bilangan Pusat Tahfiz yang mendapat Kelulusan Bangunan daripada JBPM | | 73 |
| | | Jumlah Pusat Tahfiz | |
| | | 80 | |

Penubuhan Skuad Bomba Tahfiz Negeri-Negeri:

| Bil. | Negeri | Bilangan Pusat Tahfiz Yang Diperiksa JBPM | Bilangan Pusat Tahfiz Yang Telah Menubuhkan Skuad Bomba Tahfiz | Bilangan Keahlian Skuad Bomba Tahfiz |
|---------------|--------------|---|--|--------------------------------------|
| 1 | Perlis | 13 | 1 | 10 |
| 2 | Kedah | 66 | 35 | 427 |
| 3 | P.Pinang | 42 | 4 | 69 |
| 4 | Perak | 148 | 26 | 174 |
| 5 | Selangor | 285 | 20 | 492 |
| 6 | Kuala Lumpur | 31 | 13 | 200 |
| 7 | Putrajaya | 3 | 2 | 111 |
| 8 | N.Sembilan | 64 | 31 | 198 |
| 9 | Melaka | 45 | 10 | 162 |
| 10 | Johor | 149 | 4 | 40 |
| 11 | Pahang | 50 | 9 | 144 |
| 12 | Terengganu | 120 | 41 | 632 |
| 13 | Kelantan | 150 | 53 | 334 |
| 14 | Sarawak | 27 | 14 | 140 |
| 15 | Sabah | 42 | 5 | 42 |
| 16 | Labuan | 3 | 1 | 15 |
| Jumlah | | 1,238 | 269 | 3,190 |

2. Tindakan Selepas Pemeriksaan

- (a) Jumlah Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran sebanyak 367 notis telah dikeluarkan melibatkan sejumlah 83 pusat tahfiz;

- (b) Tempoh pematuhan notis adalah di antara 90 hingga 180 hari iaitu bermula dari tarikh notis dikeluarkan:
 - (i) Tempoh 90 hari : sekiranya tidak melibatkan struktur utama seperti alat pengesan asap serta pemadam api; dan
 - (ii) Tempoh 180 hari : sekiranya melibatkan struktur utama seperti tangga dan dinding pemisah .
- (c) Mengadakan pemeriksaan ulangan bagi memastikan notis dipatuhi selepas tamat tempoh 90 hingga 180 hari.
- (d) Memberikan khidmat nasihat dan rundingan kepada 771 pengusaha pusat tahfiz yang tidak mematuhi piawaian keselamatan kebakaran.

3. Tindakan Penguatkuasaan

- (a) Memastikan semua pusat tahfiz mematuhi keperluan keselamatan kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan merujuk kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL 1984).

(b) Penguatkuasaan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Subsekyen 70(27)(f) :

- (i) Mana-mana orang yang menduduki bangunan tanpa Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

(c) Penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341):

- (i) Melaksanakan Pemeriksaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK);
- (ii) Mengeluarkan Notis Penghapusan Bahaya Kebakaran dan sekiranya gagal mematuhi boleh disabitkan dengan kesalahan akan dikenakan denda tidak melebihi RM5,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan sebanyak RM100.00 bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan

- 172
- (iii) Mendapat kebenaran daripada mahkamah untuk melaksanakan Perintah Tutup Premis.

4. Langkah-Langkah Memperkasakan Pencegahan Kebakaran Di Pusat Tahfiz

- (a) Penubuhan Skwad Bomba Tahfiz di semua pusat tahfiz di seluruh negara bagi mempertingkatkan tahap keselamatan kebakaran. Sehingga 17 Oktober 2017, sejumlah 269 Skwad Bomba Tahfiz telah ditubuhkan dengan keahlian 3,190 orang.
- (b) Menggiatkan aktiviti pembelajaran awam seperti ceramah, seminar, demonstrasi keselamatan kebakaran, kawad pengungsian bangunan (*fire drill*) kepada pelajar-pelajar dan pengusaha pusat tahfiz. Sehingga kini JBPM telah menganjurkan program kesedaran awam untuk 528 pusat tahfiz seluruh negara.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2017